

# GERAKAN TAJDID: SEJARAH DAN PERSPEKTIF MASA KINI

oleh  
Prof. Madya Mohamad Kamil Ab. Majid

## Abstract

*This paper attempts to discuss the meaning of *tajdid*, to trace its development and to suggest its form and practice in the days of *sahabat* and *tabiün*. The discussion also covers *tajdid hadari*, i.e. globalisation of *tajdid* as it is taking place at the moment and the challenges facing it in the form of ideas and practices from *tajdid* in politic and *dakwah*. It is suggested that *tajdid* should be moved and led by a multi-disciplinary well-informed leader especially in this modern society, and institutions of higher learning should estimate themselves to contribute to this leading role.*

## I

*Tajdid* dan *Islah* dua istilah penting dalam sejarah bangun jatuh kehidupan umat Islam selama lima belas abad. Cabaran sentiasa muncul mengikut tahap-tahap perkembangan dan perubahan. Perubahan berlaku sama ada dalam bentuk vertikal mahupun horizontal.

Buat masa kini punca masalah kemunduran umat Islam telah dikenal pasti oleh tokoh-tokoh pemikir Islam semasa pada asasnya ialah krisis pemikiran. Mungkin inilah juga yang diisyarat lebih awal oleh firman Allah:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِالْأَرْضِ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

*"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada suatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri".<sup>1</sup>*

Justeru itu *tajdid* dan *islah* malah *jihad* dan *ijtihad* pada masa kini seharusnya menumpukan kepada aspek pemikiran dan memantapkan metodologi berfikir. Di samping tidak mengenepekan keperluan kepada kepemimpinan yang cukup berwibawa pada semua peringkat. Jika ini dicapai baharulah dapat diharap umat

---

<sup>1</sup> Al-Ra'd: 11

Islam pada hari ini memimpin tamadun kemanusiaan. Ertinya, pembaharuan tamadun (*tajdid hadari*) hanya akan tercapai apabila adanya perubahan sikap di kalangan umat terutama pada kalangan kepimpinan politik, intelektual dan ulamanya atas sifat mereka sebagai peneraju umat.

## II

### Pengertian dan Latar Belakang Sejarah Tajdid

Dalam sejarah umat Islam krisis paling awal yang menimpa mereka adalah krisis pemilihan kepimpinan. Krisis ini meskipun berjaya dilalui dengan baik namun ia telah melahirkan “bibit” yang akhirnya membelah bahagikan umat kepada *Sunnī* dan *Syiah*. Tetapi dengan kebijaksanaan para khulafa’ Rasyidin Abu Bakr (m. 13H.), ‘Umar (m. 23H.), ‘Uthman (m. 35H.) dan ‘Ali perpecahan ini terbendung juga. Perpaduan umat Islam masih boleh dikekalkan meskipun berlaku peperangan al-Jamal (36H.) dan perang Siffin (T.H. 38).

Peperangan-peperangan ini membawa kontradiksi dalaman di antara unsur jahiliah menentang semangat al-Quran, tetapi ia masih boleh diatasi disebabkan masih ada lagi jiwa al-Quran dalam dunia Islam.<sup>2</sup> Jiwa al-Quran seterusnya masih wujud lagi dan kuat dalam diri tokoh-tokoh seperti ‘Umar Ibn ‘Abd-al-Aziz (m. 1010H.) dan Imam Malik (m. 93H.), bukan disebabkan ‘Umar seorang raja agung dan Imam Malik pemimpin mazhab fiqh, tetapi mereka tetap menghidupkan kembali roh al-Quran;<sup>3</sup> ‘Umar merasakan dirinya tidak adil menerima kuasa sedangkan kuasa sepatutnya berada pada tangan keturunan ‘Ali. Imam Malik pula sanggup menyerah diri untuk didera kerana tetap mempertahankan pendapatnya yang hak.<sup>4</sup>

Begitulah respons yang serupa terjadi pada setiap kali unsur-unsur jahiliah muncul dalam krisis politik, akidah, ilmu, sosial, budaya dan apa sahaja akan berlaku pula pembaharuan, pemberkian dan perawatan. Itulah sebenarnya maksud dan makna *Tajdid*.

Dr. Yusuf al-Qaradawiy menjelaskan tajdid berlaku dalam bentuk fizikal dan maknawi. *Tajdid* fizikal contohnya ialah seperti memperbaharui bangunan klasik seumpama istana, rumah ibadat atau masjid. Pembaharuan bukanlah bererti meruntuhkan bangunan lama lalu dibina bangunan menurut model terbaru pada tapak lama, tetapi dikatakan pembaharuan itu dengan mengekalkan bangunan lama

<sup>2</sup>1. Malik Ibn Nabi, *Wijhah at-‘Alam al-Islami*, Cet. II, Dar al-Fikr, Beirut, 1970, h. 27-28, lihat sama, Ismail Ahmad (terj.) *Islam Dalam Sejarah Dan Masyarakat*, h. 52.

<sup>3</sup>Ibid.

<sup>4</sup>Ibid.

dengan memulih bentuknya yang asal dengan segala panoramanya. Itulah *tajdid* hakiki.<sup>5</sup>

*Tajdid* maknawi pula berlaku umpamanya pada agama sama ada dalam bentuk pembaharuan kefahaman (*tajdid fikri*) atau *tajdid amal* yang meliputi *tajdid imani* dan *tajdid ruhi*. Justeru itu setiap masa diperlukan pembaharuan (*tajdid*) yang sesuai dengan tuntutan zaman dan lingkungan bagi menampung mana-mana kecacatan yang timbul, menyempurnakan kekurangan yang wujud atau merawati mana-mana penyakit yang ada.<sup>6</sup>

Harus diingati pula ada kawasan agama yang tidak boleh dirempuh iaitu kawasan “*al-qat’iyyat*” sama ada pada bidang akidah, ibadat, akhlak maupun hukum yang bertujuan menjaga keutuhan kesatuan umat Islam.<sup>7</sup>

Nyatalah seperti disebut oleh Abu ‘Ala al-Mawdudi (m. 1979) *tajdid* adalah suatu keperluan bagi umat untuk memurnikan semula kefahaman dan amalan Islam sebaik sahaja dinodai oleh unsur jahiliah.<sup>8</sup> Malah al-Qaradawiy pula mengatakan ia menjadi tuntutan agama.<sup>9</sup>

Sebenarnya jika ditelusuri lebih jauh *tajdid* merupakan ungkapan nabawi melalui hadis-hadis. Umpamanya hadis sahih daripada Abu Hurayrah r. ‘a., sabda Rasulullah s. ‘a.w.:<sup>10</sup>

إِنَّ اللَّهَ يَعِثُ لِهَذِهِ الْأَمَةِ عَلَىٰ رَأْسِ كُلِّ مائَةِ سَنَةٍ مِّنْ يَجْدُدُ  
لَهَا دِينَهَا

begitu juga hadis berikut:<sup>11</sup>

جَدَدُوا إِيمَانَكُمْ، قَيْلٌ : يَا رَسُولَ اللَّهِ وَكَيْفَ يَجْدُدُ إِيمَانَنَا،  
قَالٌ : أَكْتُرُوا مِنْ قُولٍ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Sejarah umat Islam menunjukkan terhentinya *tajdid* apabila umat ditimpai kejumudan dan kebekuan minda. Ia menjadi halangan terhadap usaha *tajdid*, *islah* dan *ijtihad*. Kebekuan dan *taqlid* menjadikan institusi Islam mahupun gerakan

<sup>5</sup> Yusuf al-Qaradawiy, *Awlawiyyat al-Harakah al-Islamiyyah*, Maktabah Wahbah, Kahirah, 1991, h. 102.

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> *Ibid.* lihat sama, ‘Abd-al-Rahman ‘Abd-al-Khaliq, *al-Salafiyun Wa-al-A‘immah al-Arba‘ah*, catarakan III, Dar al-Salafiyah, Kuwait, 1984, h. 7-8.

<sup>8</sup> Al-Mawdudiy, *Mujaz Tarikh Tajdid al-Din Wa-Ihya’ih*, Dar-al-Fikr, Beirut, 168, h. 52.

<sup>9</sup> Al-Qaradawiy, *op.cit.*, h. 13.

<sup>10</sup> Sulayman Ibn al-Ash’ath al-Sijistani, *Sunan Abu Dawud*, J. 11, h. 13.

<sup>11</sup> Dipetik daripada, Abdul Ghani Shamsudin, *Tajdid Dalam Pendidikan dan Masyarakat*, Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, 1989, h. 11.

Islam menjadi wadah dan sarang golongan beku dan jumud yang tidak bersedia membuka tingkap pemikiran atau menerima pandangan yang berbeza. Sifat dan sikap inilah bertanggungjawab membantut pemikiran dan menjadikan institusi Islam mandul daripada melahirkan tokoh-tokoh pemikir. Mereka hanya bersedia menerima pandangan yang telah sedia ada dan pengalaman lama yang sudah sedia wujud.<sup>12</sup> Tidak ada lagi pembaharuan.

Bagi memahami makna *tajdid* sepenuhnya, al-Mawdudiyy menyarankan terlebih dahulu difahami sejarah pertentangan di antara Islam dan jahiliah dalam berbagai bentuk; *jahiliah mahdah*, *jahiliah syirk*, dan *jahiliah rhabaniyyah*, kerana seperti disebut sebelum ini, *tajdid* adalah gerakan memurnikan Islam daripada sebarang unsur jahiliah.<sup>13</sup>

Ada baiknya juga dalam hubungan ini dikemukakan beberapa istilah lain yang digunakan oleh penulis muslim mahupun bukan muslim bagi membincangkan pembaharuan, reformasi dan kebangkitan semula Islam yang ada kaitan dengan istilah *tajdid* dan *islah*, iaitulah seperti *nahdah*, *tagaddum*, *numiww*, *tatawwur*, *ihya'* 'i'adah-al-Milad, *inbi'ath*, *istiadah* *al-hayawiyyah*, *nidaliyyah*, *harakiyyah*, *al-mahdiyyah*, *al-Usuliyyah*,<sup>14</sup> *al-'awdah ila al-Islam*, dan *al-Zahf al-Islami*.<sup>15</sup>

Bberapa istilah seperti ini diertikan oleh Malik Bin Nabi (m. 1973M) sebagai "kemahanuan berubah". Katanya, kesemua tamadun mengalami keadaan yang sama iaitu "pusingan tamadun" (*al-dawrah al-Hadariyyah*).<sup>16</sup> Bagi Dekmajian pula istilah-istilah ini membawa erti "kesedaran umat Islam untuk kembali kepada memberi peranan akidah (*tajdid*), atau kembali kepada asas-asas negara Islam dan kaedah pemerintahannya (*islah*).<sup>17</sup> Sementara Abdul Hamid Abu Sulayman dalam nada yang hampir sama menyamakan pengertian istilah-istilah itu apabila mengatakan umat memerlukan pada sepanjang masa *nahdah*, *islah*, *tajdid* dan *sahwah*.<sup>18</sup>

<sup>12</sup> Al-Qaradawiy, *op.cit.*, h. 15.

<sup>13</sup> Al-Mawdudiyy, *op.cit.*, h. 16.

<sup>14</sup> Al-Qurayshi, *al-Taghyir al-Ijtima'i Inda Malik Ibn Nabi*. Kahirah, 1989, h. 107-108.

<sup>15</sup> Dekmajian, *al-Usuliyyah fi-al 'Alam al-Arabi*. h. 20-21.

<sup>16</sup> Al-Qurayshi, *op.cit.*

<sup>17</sup> Dekmajian, *op.cit.*.

<sup>18</sup> Abd-al-Hamid Abu Sulayman, *Azmah al-'Aql al-Muslim*, The International Institute of Islamic Thought, Herndon, USA, 1991, h. 27.

## Tajdid Peringkat Awal

Kalau kita menghimbau kembali sejarah *tajdid* pada peringkat awal kehidupan umat Islam iaitu semenjak kewafatan Rasulullah s.'a.w (m. 12H./632M.) ialah kemunculan semula unsur jahiliah. Umpamanya, respons spontan umat Islam yang sukar mempercayai Rasulullah s.'a.w benar-benar wafat, malah merasakah seolah-olah Rasulullah diangkat ke langit seperti terangkatnya Nabi Isa 'a.s., atau nabi pergi menemui Tuhan seperti Musa 'a.s pergi bertemu Tuhan. Ertinya konsep *al-Raj'ah* yang menjadi pegangan kaum jahiliah segera kembali. Mujurlah ada tokoh seperti Abu Bakar (m. 13H./634M), yang segera mengingatkan mereka dengan tegas bahawa Muhammad s.'a.w sememangnya telah benar-benar wafat. Kata-kata yang cukup masyhur:

*"Wahai manusia, barangsiapa menyembah Muhammad, sesungguhnya Muhammad telah wafat. Barang siapa menyembah Allah, sesungguhnya Allah hidup tidak akan mati".<sup>19</sup>*

Seterusnya Abu Bakar membacakan surah al-Imran: ayat 144:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَقْتَ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِنَّ مَاتَ أَوْ  
قُتِلَ أَنْفَلَتْ مِنْ عَاقِبَتِكُمْ وَمَنْ يَنْقُلْ عَلَى عَاقِبَيْهِ فَلَنْ يَصُرَّ  
اللَّهُ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

Kata-kata Abu Bakar memberikan sentakkan kuat kepada para sahabat termasuk ‘Umar sendiri yang mungkin kerana terlalu cinta kepada Rasulullah s.'a.w sehingga “hilang kewarasannya” dan lupa batas yang membezakan Tuhan dan insan. Inilah satu bukti sejarah kefahaman Abu Bakar yang mengatasi kefahaman orang lain.

Abu Bakar secara pemikiran dan amali memulakan *tajdid* pemurnian Islam dari unsur jahiliah, selain daripada itu di atas ialah menghadapi suasana genting kemurtadan beramai-ramai (*zahirah al-riddah*) serta keengganan membayar zakat atas alasan ianya tidak ada hak untuk diambil selepas kewafatan Rasulullah s.'a.w. Lebih daripada itu itu isu perlantikan khalifah pertama hampir menonjolkan semula sifat *'asabiyah*; fanatik puak dan kaum, apabila orang Ansar merasakan mereka lebih berhak memikul tanggungjawab itu. Sementara kaum Muhajirin merasakan

<sup>19</sup> Abd-al-Muta'al al-Sa'idi, *al-Mujaddidun fi-al-Islam*, Kahirah, t.t., h. 24-25.

mereka lebih layak memikul tanggungjawab tersebut. Tidak kurang pula sebahagian merasakan Bani Hasyim lebih layak dari kalangan Quraisy.<sup>20</sup>

Hanyalah kebijaksanaan, keberanian, ketangkasan dan pandangan jauh Abu Bakar, ‘Umar dan beberapa sahabat lain memadamkan unsur jahiliah yang mula meniupkan percikan bara api ‘asabiyah. Akhirnya, cabaran pertama ini dapat dilalui dengan aman setelah menghapuskan konfrantasi dan konflik besar sehingga tamat pemerintahan Abu Bakar, ‘Umar dan tahun-tahun awal pemerintahan ‘Uthman. Apa yang penting unsur-unsur jahiliah ini dapat dipadamkan.

Ucapan Abu Bakar ketika dilantik menjadi khalifah harus direnungi secara mendalam, ucapan seorang mujaddid yang sekali lagi mencerminkan sifat dan watak yang lembut tetapi tegas, merendah diri namun dalam waktu yang sama berani dan amat berwibawa. Katanya:<sup>21</sup>

اما بعد، ايها الناس، فاني قد وليت عليكم ولست  
بخيركم، فان احسنت فأعينوني، وإن اساءت فقوموني،  
الصدق امانة، والكذب خيانة، والضعف منكم قوى  
عندى حتى اريح عليه حقه إن شاء الله، القوى منكم  
ضعيف عندى حتى اخذ الحق منه إن شاء الله. لا يدع  
قوم الجهاد في سبيل الله الا ضربهم الله بالذل، ولا تشيع  
الفاحشة في قوم الا عنهم الله باللأ، اطبيعونى ما اطع  
الله ورسوله فان عصيت الله ورسوله فلا طاعة لي عليكم

Suatu ucapan yang hanya mampu dilahirkan oleh seorang *mujaddid* yang cukup jujur, amanah, percaya kepada diri sendiri, malah mempunyai ciri-ciri yang cukup sebagai pengganti Rasulullah. Justru itu walaupun amat singkat masa pemerintahannya beliau mampu menstabilkan negara dan dalam waktu yang sama meluaskan *futuhah* ke ‘Iraq dan Syam yang sebelum ini di bawah jajahan takluk Farsi dan Rome.

Pun begitu Abu Bakar mampu meneruskan gaya hidup zuhud yang dimulai oleh Rasulullah s.a.w yang amat jauh berbeza dari gaya hidup Kisra dan Kaisar<sup>22</sup> malah mana-mana pemerintah yang pantang melihat kekayaan negara akan mudah naik selera untuk menikmatinya sebagai balasan dan hasil perjuangan. Siapa

<sup>20</sup>Ibid., lihat sama, Taha Husin, *al-Fitnah al-Kubra*. Cetakan VIII, Dar-al-Ma’rifah, Kahirah, t.t., h. 10-11; Muhammad Hosyn Hikal, *As-Sidiq Abu Bakr*, Dar al-Maaref, Kahirah 1971. h. 54-62.

<sup>21</sup>Ibid. h. 26; Muhammad Hosyn Hikal, *Ibid.*, h. 62.

<sup>22</sup>Ibid., h. 28-30, Taha Husin, *op.cit.*, h. 10-14.

berani menafikan *tajdid* sudah tercetus di tangan Abu Bakar terutama dalam menentukan berterusannya kesatuan politik dan pemerintahan yang berasaskan Syari'ah.

'Umar Ibn al-Khattab (m. 23H./643M) mengambil alih jawatan daripada Abu Bakar dengan melanjutkan segala yang baik-baik; meneruskan gaya hidup zuhud meskipun negara Islam semakin meluas, kekayaan negara melimpah ruah. Beliau melanjutkan perluasan *futuhat* yang faktor-faktor ini membuat 'Umar terpaksa memperbaharui pentadbiran negara, memulakan pemisahan kuasa kehakiman di wilayah-wilayah,<sup>23</sup> mengadakan reformasi cukai dan zakat, mengulang kaji semula cara pengagihan harta di kalangan rakyat malah terlalu banyak untuk diberitahu sepanjang masa pemerintahannya.

Tidak kurang penting disebutkan di sini peranan 'Umar dalam *tajdid* pemikiran bagi menghadapi zaman yang berubah dan lingkungan yang lebih mencabar. Damsyik telah dibuka, seluruh Syam dan 'Iraq ditakluk hingga Farsi, Mesir membawa ke Maghribi. Banyak masalah baru timbul. Isu-isu yang tidak pernah timbul pada zaman nabi dan penggantinya Abu Bakar. Umpamanya percuaian, prosedur mahkamah, munculnya jenayah-jenayah baru. Di sinilah pada 'Umar suatu keperluan menggunakan akal fikiran bagi menyelesaikan perkara-perkara yang tidak disebut dalam al-Quran dan al-Sunnah.<sup>24</sup> Maka ijтиhad 'Umar merangkumi aspek pembangunan ekonomi, sosial, politik dan lain-lain yang menjadi ikutan para *fujahū*' tabi'in kemudiannya.<sup>25</sup>

Konsep *maslahah* dipergunakan oleh 'Umar seluas-luasnya, atau dalam ungkapan masa kini, 'Umar lebih banyak mendahulukan roh undang-undang lebih daripada nasnya secara zahir.

Demikian *tajdid* pemikiran 'Umar yang juga mula mempelopori suatu metodologi hukum. Perubahan yang dijalankan 'Umar membuat golongan literalis agak keliru seperti dalam kes mengenepikan pemberian zakat kepada saudara baru, menangguhkan hukuman potong tangan kepada pencuri di musim kebuluran, menjatuhkan talak tiga sekaligus apabila suami menceraikan isterinya talak tiga dan menjadi isu besar iaitu pembahagian harta rampasan perang, malah banyak lagi.<sup>26</sup>

<sup>23</sup>*Ibid.*, h. 32.

<sup>24</sup>Ahmad Amin, *Fajr al-Islam*, Cetakan X, Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1965, h. 236-237.

<sup>25</sup>*Ibid.* h. 228.

<sup>26</sup>*Ibid.* h. 228-229.

Ini bukanlah bererti beliau melakukan *bid'ah* kerana beliau selalunya merujuk terlebih dahulu apa yang diamal oleh Rasulullah s.'a.w, kemudian pendapat para sahabat dan jika tidak ada lalu beliau berijtihad dengan merundingi tokoh-tokoh ilmu terutama 'Ali Ibn Abi Talib dan Zayd Ibn Thabit.

Metodologi 'Umar menjadi ikutan 'Abd-Allah Ibn Mas'ud di 'Iraq yang cukup kagum dengan pandangan-pandangan 'Umar. Melalui 'Abd-Allah Ibn Mas'ud berkembangnya aliran "*Ahl al-Ray'*" di bawah kepimpinan Abu Hanifah.<sup>27</sup>

Aliran ini telah memberi kelebihan kepada *tajdid* pemikiran iaitu berkembangnya hukum furu' (cabang) dan menjadikan fiqh Islam kaya dengan persoalan dan jawapannya.<sup>28</sup>

*Tajdid fikri* kurang disenangi oleh satu aliran lain iaitu *ahl-al-Nas* yang berkembang di Hijaz. Aliran yang dipelopori oleh al-Abbas, al-Zubayr, 'Abd-Allah Ibn 'Umar Ibn al-Khattab dan 'Abd-Allah Ibn 'Umar Ibn al-'As. Namun kontradiksi ini menonjolkan tokoh-tokoh Imam Malik dan al-Syafi'e yang mengambil kebaikan daripada kedua aliran iaitu menerima hadis dengan syarat-syaratnya dan menggunakan fikiran bila tidak terdapat nas. Lalu berkembang pula ilmu *Usul fiqh* sebagai satu cabang falsafah Islam.

Metodologi pembinaan hukum Islam mengemukakan perkaedahan *qiyyas*, melanjutkan apa yang sudah sedia dimulai oleh 'Umar yang mengambil "*Sawabiq qada'iyyah*" sebagai salah satu cara menentukan keputusan.

### Kesederhanaan dan Toleransi

Islam seperti ditunjuk oleh al-Quran dan al-Sunnah suatu agama yang sederhana yang tidak mengambil sikap ekstrim kanan atau kiri, atau apa yang disebut oleh nabi sebagai ( لا افراط ولا تفريط ). Malah banyak ingatan supaya tidak keterlaluan dalam apa-apa aspek pun sehingga ibadat sembahyang, puasa, sedekah malah gaya hidup. Apa lagi dalam suasana umat yang tidak mempunyai tarbiah yang cukup tinggi.

Sudah disebut zaman pemerintahan Abu Bakar, 'Umar dan tahun-tahun awal pemerintahan 'Uthman menjadi model paling ideal dalam serba serbinya. Umat Islam pula ramai yang mendapat didikan secara langsung dari Rasulullah s.'a.w sendiri. Dengan perluasan *futuhar* pada zaman 'Umar ditambah lagi pada zaman 'Uthman hingga sampai ke Samarcand, Afrika malah hampir ke Eropah, zaman

<sup>27</sup>Ibid. h. 240-241.

<sup>28</sup>Ibid. h. 242.

sudah berubah dan lingkungan persekitaran berbeda, terutama kelahiran generasi baru yang hanya mendengar cerita tentang nabi, bukan lagi sempat dididik oleh Rasulullah. Pada segi yang lain ramai yang baru menganut Islam dan dahulunya sudah menganuti agama lain dan sudah begitu lama hidup dalam budaya tamadun Farsi dan Rome.

Ini menjadikan ‘Uthman yang sudah agak lanjut usianya itu berhadapan dengan cabaran lebih getir, apa lagi watak ‘Uthman sendiri, yang lebih lembut berbanding dengan ‘Umar. Malah latar belakang hidup dari keturunan orang yang berada, malah beliau sendiri dianggap seorang hartawan. Pada segi yang lain dalam Islam memang terdapat isyarat yang mengharuskan hidup secara lebih selesa kerana Allah tidak mengharam hamba-Nya menikmati segala kurniaan seperti makanan yang enak, pakaian yang selesa, kenderaan yang baik malah tempat tinggal yang elok.

‘Uthman melihat suasana zaman pemerintahannya memaksa dia berbuat begitu dengan tidak mengenepikan sifat pemurah malah menggunakan nikmat pada jalan yang diredhui Allah s.w.t. ‘Uthman sendiri menunjukkan contoh amalan toleransi Islam ini. Beliau menikmati segala kemudahan termasuk rumah yang lebih mewah berbanding dengan dua khalifah sebelumnya, apa lagi Rasulullah.<sup>29</sup>

‘Uthman sebagai model diikuti oleh para sahabat kanan yang masih hidup dan punyai kemampuan seperti al-Zubayr, Abd-al-Rahman Ibn ‘Auf, Talhah Ibn ‘Ubayd-Allah, Sa‘d Ibn Abi Waqqas malah yang lain lagi. Mereka ini bukan sekadar ada rumah di Madinah tetapi turut membinanya di Basrah, Mesir, Kufah, malah punyai ribuan dinar, puluhan ribu kambing, ratusan ekor unta malah ada yang mendirikan istana di Kufah.<sup>30</sup>

Pendek kata sudah ada hartawan dan jutawan muslim hasil dari polisi kewangan dan ekonomi ‘Uthman. Pembangunan fizikal cukup pesat. Bagi ‘Uthman ini juga pernah diberi izin oleh ‘Umar kepada Mu‘awiyah gabenor di Syam yang memberi alasan untuk melawan kehebatan tamadun Rome.

Rupanya keadaan dunia Islam yang ditunjangi oleh Rohani memang semakin hebat dari segi pemikiran dan fizikal tetapi mulai merosot dari segi rohani. Mulalah berkembang hiburan-hiburan dan kegiatan yang melalaikan. Generasi

<sup>29</sup> Abd-al-Muta‘al, *op.cit.*, h. 38.

<sup>30</sup> *Ibid.*, lihat sama, Taha Husin, *op.cit.*

muda sudah mula dijangkiti barah jahiliah dengan meminum arak, berjudi dan menghabiskan masa (lepak) dengan aktiviti kurang berfaedah.<sup>31</sup>

Para sahabat seperti Abu Dhar muncul sebagai pengkritik sosial yang tajam lidahnya. Taha Husin ada membuat komen yang menarik bahawa zaman dan lingkungan telah membuatkan ‘Uthman terpaksa membuat pembaharuan yang demikian. Polisi pembaharuan ‘Uthman akhirnya dari segi politik memerangkap diri sendiri ke arah berlakunya perang Siffin, khususnya pengagihan kemewahan kepada sahabat-sahabat nabi dan keizinan mereka keluar dari Madinah yang sebelumnya tidak dilakukan oleh ‘Umar. Malah polisi lemah lembut ‘Uthman selepas polisi keras ‘Umar menjadikan siapa pun di tempat ‘Uthman akan menerima nasib yang sama.<sup>32</sup>

Betapa pun kehebatan ‘Uthman sukar menandingi *tajdid* dua khalifah sebelumnya. Secara ditil banyak hal yang bolch dibanggakan.

### Tajdid Rohani Yang Unggu

Banyak tulisan yang memperkatakan tentang ‘Ali (m. 40H./660M) menyebut ketika kewafatan Rasulullah s.a.w sebahagian umat Islam merasakan khalifah hendaklah dari Bani Hasyim dan secara lebih khususnya ‘Ali kerana kedudukan beliau, keilmuan dan banyak petanda yang mengisyaratkan demikian. Namun ada juga pendapat mengatakan ‘Ali tidak dilantik bimbangkan jawatan tersebut dianggap nanti sebagai jawatan warisan. Malah ‘Ali sendiri ketika hampir meninggal dunia apabila dicadangkan anaknya al-Hasan dilantik sebagai pengganti memberikan jawapan “Aku tidak menyuruh dan tidak melarang”<sup>33</sup>.

Apa yang ingin ditekankan di sini, isyarat buku-buku sejarah menunjukkan ‘Ali paling layak menggantikan nabi seperti pendapat al-Zubayr, Khalid Ibn Sa‘id, al-Miqdad, Salman al-Farisi, Abu Dhar al-Ghfari, Ammar Ibn Yasir, al-Barra’, Ubay Ibn Ka‘b dan lain-lain. Tetapi ‘Ali tidak melihat jawatan itu sebagai keistimewaan. Ia adalah tanggungjawab, sama seperti sahabat-sahabat lain melihatnya. Jadi tidak timbul isu perebutan kuasa seperti yang didakwa oleh mereka yang tidak memahami betapa tingginya rohani para sahabat, yang mendapat pendidikan keimanan dan rohani yang tiada tolok bandingnya itu.

Apa yang ingin ditekankan ‘Ali yang dididik agar sentiasa taat kepada pimpinan, akur kepada suara jumhur tidak pernah terlintas di hatinya untuk menggugat kestabilan pemerintahan tiga khalifah sebelumnya, malah masih

<sup>31</sup>Taha Husin, *op.cit.*, lihat sama, Abu Zahrah, *Tarikh al-Maghrib al-Islamiyyah*.

<sup>32</sup>*Ibid.* h. 216-217.

<sup>33</sup>*Ibid.*, h. 177-178.

keberatan menerima jawatan tersebut selepas kematian ‘Uthman. Jika ‘Ali terikut-ikut dengan simpatisan dan mereka yang fanatik dengannya tindakan ‘Ali boleh menggugat negara Islam.<sup>34</sup> Malah keadaan akan lebih gawat. Hanya ketika ‘Uthman meninggal dan ‘Ali satu-satunya calon paling layak, beliau menerima dengan hati yang amat berat menerima *bai’ah* umat.

‘Ali selepas perlantikannya cuba mengembalikan semula kegemilangan rohani pada zaman Rasulullah dan dua sahabat terawal Abu Bakar dan ‘Umar. ‘Uthman yang sudah tua dan dikelilingi oleh kaum kerabatnya agak kurang mendapatkan syura meluas rakyat. ‘Ali sekali lagi cuba mengembalikan syura yang meluas pada zaman ‘Umar. Malah lebih penting ‘Ali menolak menjadikan jawatan ini sebagai warisan kepada anak-anaknya seperti juga ‘Umar berbuat demikian.<sup>35</sup>

Bagi menegakkan keadilan Islam ‘Ali juga melucutkan jawatan gabenor-gabenor yang didakwa zalim sama dengan tindakan ‘Umar sebelumnya. Dengan kata lain, *tajdid* amali ‘Ali lebih hampir kepada ‘Umar berbanding dengan ‘Uthman. Lebih mendekati polisi ‘Umar dari menurut jejak ‘Uthman malah mahu kembali semula kepada kehidupan zuhud.

Namun ‘Ali memerintah ketika barah jahiliyah yang makin melebar. “Musuh-musuh politiknya” cuba mengambil peluang dari isu pembunuhan ‘Uthman untuk merendahkan kredibiliti beliau. Beberapa gabenornya, malah Talhah dan al-Zubayr dengan mendapat sokongan ‘Aisyah - oleh beberapa sebab tertentu - menggugat kestabilan pemerintahan ‘Ali yang berakhir dengan perang Siffin.<sup>36</sup>

Apa pun yang berlaku, tidak dapat siapa pun manafikan *tajdid khulafa’ Rasyidin* lebih-lebih lagi jika diteliti secara mendalam dengan mengambil kira persekitaran zaman dan lokasi waktu itu. Penulis kurang bersetuju dengan pihak yang menamakan ‘Umar Ibn Abd-al-Aziz sebagai *mujaddid* terawal.<sup>37</sup>

### **Model Tajdid Menyeluruh**

Barangkali kerana tajdid ‘Umar Ibn Abd-al-Aziz agak menyeluruh dan unsur jahiliyah pada zamannya telah mencecah tinggi terutama selepas Zayd Ibn Mu’awiyah memegang tampuk kuasa, malah sistem khilafah sudah bertukar menjadi sistem Di Raja (*al-Mulk*), kemunculan cucu ‘Umar Ibn al-Khattab ini membawa harapan baru *tajdid*. Memang harapan tidak tinggal harapan ‘Umar

<sup>34</sup> Abd-al-Muta’al, *op.cit.*, h. 42.

<sup>35</sup> *Ibid.*, h. 43.

<sup>36</sup> Taha Husin, *op.cit.*

<sup>37</sup> Lihat, al-Mawdudiyy, *op.cit.*; Dekmejian, *op.cit.*

Abd-al-Aziz meskipun memerintah selama dua setengah tahun mengadakan pembaharuan pemikiran, kejiwaan dan tingkah laku. ‘Umar bangkit membangun potensi umat yang lumpuh sebagai melanjutkan pemikiran dan amalan khulafa’ Rasyidin sehingga beliau diberi jolokan khulafa’ Rasyidin yang ke-v.<sup>38</sup> Malah lebih diingati sebagai mujaddid lebih dari khulafa’ Rasyidin sendiri.

*Tajdid* ‘Umar Abd-al-Aziz antara lain mengembalikan keadilan, syura dan *bai’ah* yang sudah hampir mati selama setengah abad di tangan Bani Umayyah. Kejayaan beliau menstabilkan keadaan dalam melalui usaha berbaik-baik dengan aliran Syi‘ah dan Khawarij yang sebelum ini menjadi musuh ketat kepada Bani Umayyah.<sup>39</sup>

Reformasi agama, akhlak dan ekonomi termasuk reformasi cukai jizyah. *Tajdid* pemikiran turut dilakukan hingga terkenal pada zamannya pembukuan (*tadwin*) ilmu syari‘at khususnya hadis. Ini membuka jalan kepada pembukuan ilmu-ilmu lain.<sup>40</sup> Kemudian turut tersebar ilmu perubatan melalui penterjemahan dari bahasa asing ke bahasa Arab.<sup>41</sup>

Suatu catatan yang perlu dirakam ‘Umar turut meninggal segala protokol Di Raja yang berunsur jahiliyah, memulang balik tanah-tanah yang dirampas oleh para pemerintah sebelumnya. Malahan beliau kembali kepada gaya hidup zuhud dengan menolak pendapatan tahunan beliau 50,000 dinar setahun kepada 200 dinar sahaja.<sup>42</sup>

‘Umar model juru *tajdid* yang memperbaharui, menampung dan merawat umat dari unsur-unsur jahiliyah yang dipaliti penyakit sosial, akhlak dan pemikiran selama setengah abad lalu. Malah tidak keterlaluan kalau dikatakan berkat *tajdid* ‘Umar Ibn Abd-al-Aziz membuka jalan kelahiran tokoh-tokoh *mujaddid* selepasnya seperti Abu Hanifah (m. 150H.), Malik (m. 179H.) al-Syafi‘e (m. 204H.) dan Ahmad (m. 241 H.).<sup>43</sup>

Sayangnya *mujaddid* ini dimusuhi oleh unsur jahiliyah Bani Umayyah dan mati diracuni selepas memerintah dalam masa 30 bulan dalam usia terlalu muda iaitu 39 tahun.<sup>44</sup> Namun *tajdid* beliau sukar ditandingi justeru amat cemerlang.

<sup>38</sup> Lihat, al-Nadwi. *Khamis al-Rashidin ‘Umar Ibn Abd-al-Aziz*, al-Mukhtar al-Islami, Kahirah, t.t.

<sup>39</sup> Abd-al-Muta‘al, *op.cit.*, h. 58.

<sup>40</sup> *Ibid.* h. 60-61.

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> Al-Mawdudi, *op.cit.*, h. 66.

<sup>43</sup> *Ibid.* h. 67.

<sup>44</sup> *Ibid.* h. 69, lihat sama, Al-Nadwi, *op.cit.*, h. 49.

Menurut penilaian Abu Hasan al-Nadwi, keistimewaan ‘Umar Ibn Abd-al-Aziz ialah ciri-ciri keimanan yang cukup tinggi mendorong beliau melakukan *tajdid* menyeluruh kerana takutkan Allah sehingga beliau mampu mengatasi segala tarikan kebendaan.<sup>45</sup>

Zaman ‘Umar berada atas takhta pemerintahan lanjut al-Nadwi lagi meskipun selama 30 bulan menjadi musim bunga bagi agama dan akhlak dalam sejarah kemanusiaan sejagat. Ia adalah suatu pencapaian *tajdid* luar biasa yang tidak mampu dilakukan oleh para penguasa yang memerintah beberapa dekad lamanya. Hakikat ini menolak sebarang ketakutan dan rasa was-was kepada pentadbiran secara Islam kononnya akan menyebabkan krisis kewangan atau membawa kerugian kepada negara.<sup>46</sup>

### Tajdid Hukum Dan Metodologi

Usaha ‘Umar Ibn Abd-al-Aziz yang cemerlang segera bertukar dilandai lagi oleh unsur jahiliah. Dari segi politik dan pentadbiran ia mengulangi kesilapan lama semula, tetapi dari segi keilmuan dan intelektual ia tidak terhenti malah terus maju ke hadapan. Bani Umayyah dan Bani Abbasiyyah cuba menyekat gerakannya kadangkala melalui pedang atau rotan malah tidak kurang pula dengan dinar dan dirham. Namun intelektualisme tidak boleh disekek. Ijtihad terus berkembang dengan munculnya tokoh mujtahid di samping beberapa disiplin ilmu Islam lain berkembang seperti ilmu tafsir dan ilmu hadis.<sup>47</sup> Peranan Imam mazhab dalam meletakkan metodologi hukum meletakkan mereka sebagai *mujaddid*. Kehebatan mereka seperti diungkap oleh al-Mawdudiy ialah mengestabilishkan mazhab pemikiran hukum hingga mewariskan ramai tokoh-tokoh mujtahid selama lapan abad selepasnya.<sup>48</sup> Usaha-usaha mereka tanpa mendapat sokongan sistem pemerintahan Di Raja, sebaliknya halangan demi halangan dialami oleh Abu Hanifah yang dikenakan hukuman kurung dan sebat. Malah beliau juga dikatakan mati diracun. Imam Malik tidak kurang hebat disebat pada zaman pemerintahan Bani Abbas sehingga disebat tujuh puluh sebatan. Sementara Imam Ahmad kerana terus-menerus diuji pada zaman al-Ma’mun, al-Mu’tasim dan al-Wathiq, serta ujian nikmat pada zaman al-mutawakkil. Imam Ahmad termasyhur sebagai penegak kebenaran yang tidak kenal kalah.<sup>49</sup>

<sup>45</sup> Al-Nadwi, *op.cit.*, h. 44.

<sup>46</sup> *Ibid.* h. 44, 45, 46.

<sup>47</sup> Lihat, al-Mawdudiy, *op.cit.*, h. 46.

<sup>48</sup> *Ibid.* h. 71-72.

<sup>49</sup> Anwar al-Jundi, *Nawabigh al-Fikr al-Islami*, Dar al-Ra’id, Beirut, 1972, h. 73.

Metode “*qiyas*” Abu Hanifah telah membuat perkembangan pemikiran hukum dengan menyelesai 100,00 persoalan dalam masa lima puluh tahun. Imam Malik pula memandu jalan ke arah mencernakan kesahihan hadis. Kitab beliau “*al-Muwatta*” sebuah buku yang amat bernilai tinggi dan menjadi buku tertua dalam bidang hadis dan fiqh.<sup>50</sup>

Al-Syafi‘e tidak syak lagi meredakan polimik ahl-al-Ra‘y dan ahl-al-Hadith malah muncul sebagai pelopor disiplin ilmu Usul Fiqh. Tokoh yang diberi jolokan umpama matahari bagi dunia.<sup>51</sup> Sementara Imam Ahmad mencerminkan praktis Islam sepenuhnya. Beliau juga berupaya mendedahkan kesalahan dan penyelewengan aliran Mu‘tazilah dan ahli falsafah yang cuba memberi nilai baharu kepada kefahaman Islam. Ahmad adalah model ketahanan, kesabaran, sanggup menerima penderitaan semata-mata tegak atas jalan kebenaran.

Empat orang imam ini tidak syak lagi merupakan barisan *mujaddid* yang menegakkan metodologi ijtihad bagi dunia Islam hingga kesannya dinikmati hingga masa kini.

Tentulah kertas ini akan memakan ruang terlaku panjang untuk menyebut satu persatu tokoh-tokoh *mujaddid* sepanjang sejarah kehidupan umat Islam. Cukuplah sekadar selintas pandang kita menyatakan peranan besar al-Asy‘ari (m. 324 H.) yang menyimpulkan rukun-rukun atau tungggak akidah yang boleh disepakati. Imam Haramayn (m. 447 H.) yang menyelesaikan isu kepimpinan politik. Al-Ghazali tokoh *mujaddid* yang menghadapi pemisahan di antara teori dan praktik dari satu pihak, malah antara fuqaha’ dan ahli sufi pada pihak yang lain melalui kitabnya *Ihya’ ‘Ulum al-Din* dan menghadapi cabaran falsafah Barat dalam kitabnya *Tahafut al-Falsafah* dengan memberikan alternatif Islam.

Kehebatan para *mujaddid* ini diteruskan lagi Ibn Rushd (m. 959 H.), Ibn Taymiyyah (m. 728 H.), Ibn Hazm (m. 1064.), Ibn Khaldun (m. 1406 M.) dan lain-lain. Mereka itu masing-masing menangani persoalan sezaman mereka seperti mentaufiq antara Syariah dan Falsafah, menggarap metodologi yang lebih mantap malah memperbetulkan perjalanan tamadun.<sup>52</sup>

## Tajdid Dakwah

Tokoh-tokoh *mujaddid* yang disebut di atas dikenali sebagai *mujaddid* politik, pentadbiran, kewangan, hukum, sosial, budaya, pemikiran dan banyak

<sup>50</sup> *Ibid.*

<sup>51</sup> *Ibid.* h. 73; Dekmejian, *op.cit.*, h. 66.

<sup>52</sup> Taha Jabir, *Islah al-Fikr al-Islami*, The International Institute of Islamic Thought, Herndon, USA, 1991, h. 28-29.

bidang lagi tetapi tidak dapat dinafikan mereka juga adalah juru dakwah. Dakwah mereka menggunakan pendekatan Sunah; berhikmah, nasihat yang baik, dialog dan kadangkala memasuki medan jihad bersenjata seperti pengalaman Ibn Taymiyah melawan tentera Tartar.

Para juru dakwah dan wira islah banyak meninggalkan kepada kita timbunan khazanah pemikiran dan pengalaman. Mereka menyempurnakan amanah menggarap permasalahan zaman dan lingkungan masing-masing.<sup>53</sup> Dunia Islam masa kini tidak kurang memerlukan usaha penyelesaian masalah bagi mengembalikan golongan yang menyeleweng dan lalai agar kembali kepada Islam. Itulah apa yang ditunjuk oleh Shah Waliyyullah al-Dihlawi (m. 1763 M.), Muhammad Ibn ‘Abd-al-Wahab (m. 1787 M.), Jamaluddin al-Afghani (m. 1897 M.), Muhammad Abdurrahman (m. 1905 M.), Rasyid Ridha (m. 1935 M.) yang berusaha meningkatkan pemikiran dan amalan umat; kuantiti dan kualiti.<sup>54</sup>

Malah dakwah yang disebut sebagai *Amar Ma'ruf* dan *nahi munkar* telah dilalui bukan sebagai kerja individu sahaja tetapi dalam bentuk kumpulan (*jama'ah*). Imam Ahmad sentiasa menghubungi ulama lain malah menghubungi orang awam. Inilah cara yang diisyarat oleh al-Quran:

وَجَاءَ مِنْ أَقْصَا الْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَى قَالَ يَنْقُومُ أَتَيْعُوا الْمُرْسَلِينَ

Malah turut diikuti oleh Ibn al-Jawzi, ‘Abd-al-Qadir al-Kaylani (m. 561H.) malah pada zaman ini tokoh-tokoh seperti al-Banna (m. 1949 M.), al-Mawdudi (m. 1979 M.) dan banyak lagi untuk disenaraikan.<sup>55</sup>

Tokoh-tokoh *mujaddid* dakwah ini cuba melihat hubungan fungsional bahkan organik antara dakwah dan politik. Dakwah diperlihatkan bukan sekadar nasihat dan *tabligh* malah ia sesungguhnya meliputi semua dimensi kehidupan insan kerana *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* juga merangkumi semua aspek kehidupan. Lalu aspek politik menjadi sebahagian dari dakwah seperti juga kegiatan lain seperti ekonomi, budaya, sosial dan lain-lain. Dalam erti kata lain tokoh-tokoh *mujaddid* dakwah ini berusaha mengislamisasi seluruh kehidupan manusia,<sup>56</sup> seperti kata Muhammad Nuquib al-Attas, islamisasi proses pembebasan manusia dari segenap tradisi yang bersifat magis, mitologis, animistik dan budaya nasional yang irasional. Katanya lagi, pembebasan manusia dari pengaruh sekular yang

<sup>53</sup>Siddid Fadil, “Pra Kata” dlm. Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid, *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*, Angkatan Belia Islam Malaysia, Petaling Jaya, 1993, h. viii.

<sup>54</sup>Muhammad Ahmad al-Rashid, *al-Muntalaq*, Mu’assasah al-Risalah, Syiah, 1975, h. 7.

<sup>55</sup>*Ibid.*

<sup>56</sup>M. Amien Rais, *Cakerawala Islam*, h. 2.

membelenggu fikiran dan perilakunya, justru sekularisme seperti halnya animisme, magisme dan mitologisme adalah manifestasi jahiliah ditinjau dari sudut pandangan Islam.<sup>57</sup>

Dakwah yang disampaikan oleh para *mujaddid* bukanlah dakwah negatif tetapi berwatak progresif dan revolusioner. Dakwah yang tidak bersedia menerima *status quo* yang bertentangan dengan tuntutan wahyu atau Syariat. Dakwah yang disebut oleh Amin Rais sebagai gerakan merubah *status quo* agar nilai-nilai Islam memperoleh kesempatan untuk tumbuh subur demi kebahagiaan seluruh umat manusia.<sup>58</sup>

Kata Amin Rais lagi, *tajdid* dakwah yang berusaha memasyarakatkan Islam sebagai *al-Din* (agama); suatu pandangan hidup dan pradigma pemecahan setiap masalah yang timbul dalam masyarakat. Demikian *tajdid* dakwah yang serius dan sanggup berhadapan dengan pelbagai budaya tempatan dunia Islam serata ceruk. Ia berhadapan dengan pelbagai faham non-Islam dan aneka bentuk pemerintahan baik di dunia Timur mahupun Barat.<sup>59</sup>

Gerakan ini mengambil beberapa bentuk menurut cabaran yang ada seperti dalam bentuk protes sosial dan politik pada zaman pemerintahan Bani Umayyah, atau *tajdid* kerohanian para ahli sufi apabila Islam sudah hanya menjadi sejumlah peraturan hukum dan doktrin teologi yang kering, atau menjadi sistem politik yang pada asalnya membawa keadilan, kebebasan, persamaan, persaudaraan dan syura bertukar memberikan justifikasi bagi elitisme, nepotisme, dan eksplorasi.<sup>60</sup>

Gerakan sufi boleh dikatakan berupa reaksi terhadap tafsiran Islam yang terlalu menjurus kepada aspek hukum, yang kemudiannya mengarah kepada pemujaan terhadap hukum sebagai suatu penekanan Islam lengkap dan menyeluruh. Penentangan sufi ini cukup lama hingga kemunculan al-Ghazali yang digelarkan dengan *hujjat-al-Islam* yang seperti disebut di atas tadi cuba menemukan antara pihak-pihak yang berpisah ini.<sup>61</sup>

### III

#### Tajdid Masa Kini

Setelah ditelusuri rentetan *tajdid* dalam berbagai aspek dan dimensi menjangkau zaman dan tempat jelas *tajdid* seperti diperlukan pada zaman dahulu

<sup>57</sup> *Ibid.*

<sup>58</sup> *Ibid.*

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> *Ibid.*

<sup>61</sup> *Ibid.*

kala ia menjadi lebih perlu pada zaman kini. Apa lagi jika ditinjau kesan-kesan daripada dua peristiwa malang menimpai umat Islam iaitu kehancuran Bagdad di tangan Hulago Khan tahun 656H. yang memusnahkan akidah, akhlak, jiwa, malah politik, sosial, ekonomi, budaya dan intelektual.

Selepas beberapa abad negara ‘Uthmaniyyah pada zaman pertengahannya dengan kehadiran sultan-sultan yang kuat dapat mewarisi semula kehebatan Abbasiyah dan mengembalikan semula erti kekhilafahan ‘Uthmaniyyah dapat bertahan sehingga akhir pemerintahan Sultan ‘Abd-al-Hamid r.h. Meskipun pemerintahannya banyak kecacatan tetapi masih tetap dinamakan pemerintahan Islam.<sup>62</sup>

Satu lagi peristiwa malang iaitu penjajahan tentera Inggeris dan Perancis ke atas negara-negara umat Islam dalam perang dunia I. Peranan Mustafa Kamal Ataturk menghapuskan nama Islam kepada pemerintahan amat besar dengan merubah kepada negara sekular dan meniup semangat kebangsaan. Lebih teruk apabila unsur Yahudi turut sama dalam kepimpinan partinya, malah unsur freemason dalam politik negara.

Jadi seperti Hulago Khan yang mampu menjatuhkan roh maknawi umat Islam, pihak bersekutu Barat atau Inggeris secara khusus malah Churchill secara lebih khusus lagi dengan matlamat yang sama menakluki Bagdad dan Baitulmaqdis.<sup>63</sup>

Kejatuhan negara-negara di bawah telapak kaki penjajahan Barat atau di bawah kuasa raja-raja yang dilantik oleh penjajah, kehidupan ala jahiliah kembali semula dalam dunia Islam. Sekularisasi berjalan secara terancang melalui institusi-institusi politik, pentadbiran, pendidikan, perdagangan, kewangan, media malah seluruh aspek kehidupan umat. Kemunculan jahiliah secara total dan global tentunya memerlukan *tajdid* total dan global pula.

Dari sini benih yang ditanam oleh *mujaddid* dakwah dan juru islah klasik memberikan inspirasi kepada generasi abad ke-20 M. Lalu muncullah gerakan *tajdid* di Asia Barat dan benua India dan melebar ke Afrika, Asia Tenggara dan Tanah Melayu secara khusus.

*Tajdid* dan *islah* era baru ini lebih dikenali dengan kebangkitan semula Islam (*al-ba'th al-Islami*) bertujuan memperbaharui kefahaman dan amalan Islam, melaksanakan metodologi Islam yang menyeluruh. Mesir, Sudan, Pakistan, Turki, Indonesia dan Malaysia menjadi tapak kebangkitan Islam masa kini. Bagi aliran

<sup>62</sup> Muhammad Ahmad al-Rashid, *op.cit.*, h. 155-156.

<sup>63</sup> *Ibid.* h. 157-158.

Syiah, kejayaan Ayatullah Khomeini merubah wajah Iran yang terkenal sebagai mata-mata Barat bertukar menjadi suatu kuasa Islam yang dihormati.

Meskipun kebangkitan baru Islam sudah menghampiri satu abad ia masih jauh untuk sampai kepada menerajui kepemimpinan tamadun kemanusiaan, biarpun ia mempunyai segala potensi. Bak kata Sayyid Qutb, ia hanya akan berjaya apabila dilaksanakan oleh *jama'ah* yang penuh keimanan dan istiqamah. Suatu usaha yang serius harus dilaksanakan yang menghadapi cabaran dalaman dan luaran. Paling tidak kegagalan *tajdid* masa kini dalam menemukan metodologi yang sesuai, menggabungkan seluruh potensi dari berbagai sayap yang ada. Inilah yang cuba diperbaharui oleh al-Banna melalui dasar 20 perkara (*Usul al-'Isyrin*); Islam adalah agama dan tanah air, kerajaan dan umat, akhlak dan kekuatan, rahmat dan keadilan, material dan harta benda, usaha dan kekayaan, jihad dan dakwah, tentera dan fikrah, iman dan ibadah.<sup>64</sup>

Ertinya, *tajdid* dari perspektif masa kini adalah suatu kebangkitan yang merangkumi kesedaran politik, pendidikan, intelektualisme, ekonomi, media, jihad dan ijihad baru yang bersepada dengan cabaran semasa iaitu suatu *tajdid* tamadun.

#### IV

##### Tajdid Tamadun (*tajdid hadari*)

Tamadun adalah penciptaan terhadap penghasilan, bukannya produks yang mencipta tamadun. Justru itu, kata Malik Bin Nabi, apabila orang Islam menyarungkan pakaian Eropah ke badan mereka sejak setengah abad lalu di kebanyakan negara umat Islam, malah bercakap dengan loghat mereka, mereka juga tidak maju seperti orang Barat. Berbeza dengan orang Jepun yang sejak lima puluh tahun dahulu berpindah dari zaman pertengahan ke zaman moden, mereka mampu menyediakan syarat-syarat kebendaan dan akhlak untuk menjadi negara maju, iaitulah hasil reformasi sosial berasaskan akhlak yang membolehkan mereka mencapai kemampuan bagi menangani segala cabaran.<sup>65</sup> Malik meletakkan *fikrah* (idea) suatu sumber paling utama.<sup>66</sup> Justeru itu dalam masa lima puluh tahun yang lampau, Jepun berjaya mencapai kejayaan, sedangkan negeri-negeri umat Islam gagal melepas diri dari kemunduran. Muhammad al-Ghazali menyetujui pandangan Malik dengan meletakkan kesalahan umat atas kejahilan mereka

<sup>64</sup>Lihat, Hasan al-Banna, *Majmu'ah al-Rasa'il*,

<sup>65</sup>Malik Ben Nabi, "Mushkilah al-Hadarah" dlm. *al-Qadaya al-Kubra*, Dar al-Fikr, Beirut, 1991, h. 35, 50, 51.

<sup>66</sup>*Ibid.*

dengan ilmu kehidupan dan ilmu *Kawniyyah*<sup>67</sup> justeru mereka hanya mengasyikkan diri dengan sebahagian ilmu sahaja hingga menafsirkan sembahyang dan wuduk mengambil masa berbulan malah bertahun.<sup>68</sup>

Sambung Malik pula, bukan sahaja ide tetapi ide yang praktis. Umat Islam di mana-mana sahaja amat kaya dengan ucapan dan karya tetapi kurang ada keberkesanannya seperti begitu banyak khutbah mingguan di seluruh dunia Islam, bandingkan pula dengan praktikalitinya. Soalnya ia bukan sekadar ide tetapi keberkesanannya. Ini berkait pula dengan soal budaya. Kebudayaan lebih dipengaruhi oleh persekitaran berbanding dengan ilmu.<sup>69</sup>

Persekitaran umat Islam sejak abad XVIIIIM di bawah kerajaan ‘Uthmaniyyah menjadi pak turut Eropah barat dari pemindahan ilmu, kepakaran, teknik, malah ketenteraan yang bukan sahaja tidak memperkuatkan mereka malah melemahkan. Malah para intelektual yang dihantar ke Barat dan kembali semula untuk mengadakan reformasi pemikiran, sosial dan lain... Kesemuanya berakhir dengan kegagalan.<sup>70</sup>

Keadaan yang sama berlaku di Mesir di tangan Muhammad ‘Ali sejak awal abad ke-XVIII M. mengalami jawapan yang sama ... iaitu bertambah sakit, hancur dan mundur. Puncanya tidak lain daripada mengambil metodologi yang salah kerana peniruan membuta tuli. Bukanakah setiap umat mempunyai nilai, akidah, kefahaman, dorongan, kejiwaan dan sejarah mereka sendiri.<sup>71</sup>

Umpamanya contoh yang nyata, sejaumanakah kesan sistem banking yang diimpor ke dunia Islam, sedangkan mereka memiliki akidah dan nilai yang berbeza - jawapannya negatif. Sistem banking tidak mampu membantu kemajuan ekonomi umat Islam sebab meletakkan umat Islam dalam keadaan serba salah di antara dua keadaan; menjadi kaya tetapi mengamalkan riba, yang memungkinkan mereka senang di dunia tetapi menerima azab yang dahsyat di akhirat nanti, atau mereka tetap papa dan miskin di dunia tetapi tetap *iltizam* dengan nilai Islam dan syariat.<sup>72</sup>

Muslim sejati memang sentiasa berusaha membangun di dunia tetapi tidak melupai akhiratnya. Jadi si muslim berada dalam dualisme dan pertentangan antara dunia dan akhirat. Demikian akan terjadi pada usaha islamisasi secara

<sup>67</sup> Muhammad al-Ghazali, *Turathuna al-Fikri Fi Mizan al-Shar' Wa-al-'Aql*, IIT, USA, 1991, h. 22.

<sup>68</sup> *Ibid.*

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> Abd-al-Hamid Abu Sulayman, *op.cit.*, h. 31.

<sup>71</sup> *Ibid.*, h. 35-36.

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 40.

serpihan di bidang lain. Abdul Hamid Abu Sulayman menggambarkan sikap umat Islam menghadapi metodologi penyelesaian secara import bagai penonton yang tidak punya peranan kecuali bersikap negatif dengan menjerit dan bertepuk tangan, bukan sebagai pelakun apa lagi hero.<sup>73</sup>

Inilah yang dinamakan kegagalan kepimpinan dunia Islam dalam memahami dimensi pemikiran dan budaya kerana menjadikan metodologi asing sebagai cara penyelesaian. Mereka terapung-apung antara sekularisme dan marxisme, nasionalisme dan liberalisme beratus-ratus tahun dalam kegagalan.

*Tajdid* masa kini ialah peranan gerakan dan institusi Islam mengajak kepimpinan umat kembali kepada agama, akar umbi, sejarah dan dorongan Islam bagi menghadapi cabaran masa kini. Kalau tidak sejarah kegagalan akan diulangi semula.

Kegagalan juga mengalami umat yang menjadikan metodologi klasik Islam yang tidak mengambil kira dimensi zaman, lingkungan dan perjalanan sejarah. Mereka ini sebagai menentang proses *tajdid* apabila cuba mengembalikan umat masa kini kepada kehidupan zaman lalu dalam erti tidak mampu membuat tafsiran baru. Ertinya meletakkan fiqh lama sebagai syariat.

Aliran klasik yang mewarisi zaman kekalahan pemikiran dan lebih selesa mengikut apa sahaja amalan lampau dengan mengajak kembali kepada gambaran lampau. Aliran ini lebih mengambil sikap '*uzlah* dan *intiwa*'.<sup>74</sup>

Hanya aliran pemikiran Islam semasa yang mula dicanang oleh al-Afghani mampu memberikan penyelesaian menghadapi tamadun masa kini iaitu tamadun berdasarkan Islam dari segi tujuan, akidah, nilai dan *tasawwur*.

Ertinya, mempastikan ketulinan prinsip dengan kesemasaan pendekatan. Ia mesti bertolak dari akidah, nilai dan kecenderungan Islam dengan kefahaman terhadap realiti umat dengan mengambil kira dimensi zaman dan lingkungan dalam memahami *turath* dan *tajribah* (warisan dan pengalaman) zaman awal Islam. Ia juga harus mengambil kira erti perubahan kuantiti dan kualiti dalam kehidupan umat secara menyeluruh, mendalam, teliti, kepakaran dan analisis. Dengan ini ia berbeza dengan metodologi klasik dan metodologi import.<sup>75</sup>

Dengan kata lain, metodologi Islam semasa menuntut kemampuan, pengalaman teknikal dan ketepatan. Pendekatan yang memerlukan pula kepada penyelidikan dan analisa. Kesemua ini bertolak dari kaedah saintifik Islam

<sup>73</sup> *Ibid.*, h. 41.

<sup>74</sup> *Ibid.*, h. 42.

<sup>75</sup> *Ibid.*

memastikan ilmu terhadap fitrah dan tabiat di samping kaedah pengalaman terhadap realiti, problem, kemampuan dengan kesyumulan teori dan amali.

Dengan ini baharulah dapat berlaku pemindahan pemikiran dan tamadun dari masyarakat simple kepada tamadun yang lebih kompleks masa kini. Apa yang penting dan utama ia harus ditunjangi oleh *maqasid al-Syari'ah* (tujuan Syariat). *Maqasid Sya'riah* dengan segala nilai dan prinsip asasi dijadikan asas pemikiran sosial Islam masa kini yang berdiri pada tunggak asal: Keadilan, syura, kerjasama, persaudaraan malah seluruh nilai-nilai Islam yang lain.<sup>76</sup>

## V

### Krisis Pemikiran Halangan *Tajdid* Masa Kini

Krisis pemikiran umat Islam diakui oleh Malik Bin Nabi, al-Qaradawiy, Muhammad al-Ghazali, Abd-al-Hamid Abu Sulayman, Taha Jabir dan lain-lain lagi membelenggu *tajdid* masa kini termasuk kelemahan memahami realiti kekinian. Umat jahil dengan apa yang ada pada orang lain, malah lebih malang jahil tentang kekuatan dan kelemahan diri sendiri. Fenomena ini antara lain ditandai oleh memperbesarkan hal-hal yang remeh-temeh, atau meremehkan perkara-perkara yang sebenarnya serius. Ia biasa terjadi di kalangan orang awam tetapi lebih malangnya menimpai kalangan pemimpin politik dan intelektual, atau pendokong institusi Islam.

Bagi mengatasi perkara ini al-Qaradawiy menyarankan institusi Islam memahami lima fiqh baru:

- a. fiqh al-Sunan<sup>77</sup>
- b. fiqh maratib al-'amal
- c. fiqh al-Ikhtilaf<sup>78</sup>
- d. fiqh al-Muwazanat
- e. fiqh al-Awwaliyyat<sup>79</sup>

Lebih dari itu Abdul Hamid Abu Sulayman mencadangkan kesepadan pembelajaran aspek roh dan nilai dengan aspek teknikal dan amali dalam ke semua peringkat. Falsafah Islam semestinya menjadi teras dalam setiap bidang

---

<sup>76</sup>*Ibid.*

<sup>77</sup>Huraian mengenai fiqh al-Sunan dan Fiqh Maratib al-'Amal dlm. al-Qaradawiy, *al-Sahwah al-Islamiyyah Bayn al-Juhud Wa-al-Tatarruf*.

<sup>78</sup>Huraian mengenai fiqh al-Ikhtilaf sila lihat dalam *al-Sahwah al-Islamiyyah Bayn al-Ikhtilaf al-Masyru' Wa-al-Tafarruq al-Madhmum*.

<sup>79</sup>Huraian panjang lebar fiqh al-Muwazanat dan fiqh al-Awwaliyyat sila lihat dalam *Awlawiyyat al-Harakah al-Islamiyyah fi-al-Marhalah al-Qadimah*.

pengetahuan khususnya sains sosial dan sains kemanusiaan. Bukan itu sahaja malah diseru supaya dikembalikan urutan hierarki ilmu, mengembalikan semula *Siyaghah* metodologi dan pemikiran yang dikira cukup dalam pendidikan Islam yang sebenar. Di samping mengembalikan semula institusi, sistem dan peraturan politik, sosial yang bersifat lengkap melengkapi (*takamul*) dan berurutan (*tasalsul*) yang tepat dalam gerakan sosial ke arah mengembalikan pembinaan semula berasaskan nilai Islam.<sup>80</sup>

Di sinilah tercapainya *tajdid*, *islah*, dan kepemimpinan tamadun manusia masa kini dengan dua tuggak yang kukuh iaitu iman dan pemikiran. Malah *tajdid* sepanjang sejarah mempersaksikan akidah Islam yang murni lagi membina dan ketinggian pemikiran yang berkesan telah menjayakannya sehingga dapat memutuskan saluran perdagangan Quraisy, mengatasi kekuatan tentera musuh pada perang khandak mahupun mengatasi diplomasi musuh dalam perdamaian Hudaybiah, malah ketika pembukaan Mekah. Lebih dari itu unsur ini jugalah yang menjayakan peperangan berhadapan dengan Rome dan Farsia malah menjalankan siasah, kaedah dan peraturan Islam. Masjid didirikan menjadi pusat pendidikan, pengajaran dan penyebaran ilmu yang akhirnya melahirkan tokoh-tokoh besar.<sup>81</sup>

Akhirnya, sejarah juga tidak lupa memberitahu kita pada setiap zaman *tajdid* berlaku apabila wujudnya tokoh-tokoh yang mengepalai usaha *tajdid* yang telah dijanjikan dalam hadis Abu Hurayrah pada awal kertas ini. Pemimpin seperti kata al-Mawdudi sebagai kepala keretapi yang bagaimanapun panjangnya gerabak tidak akan bergerak ke hadapan tanpa ditarik oleh injin yang berkuasa tinggi. Institusi Islam selain dari fungsi yang disebut di atas bertanggungjawab menelurkan calon-calon pemimpin Islam yang berwibawa; intelek, berilmu, berhikmah, berani, tegas, lemah lembut malah berwatak pemimpin yang benar-benar mampu.<sup>82</sup>

## VI

### Kesimpulan Dan Penutup

Meninjau *tajdid* sepanjang sejarah dan perspektif masa kini umat Islam mesti memahami kaedah-kaedah syariat, memahami realiti semasa dan bagaimana aplikasinya nas dan ijтиhad kepada suasana semasa. Ia juga bergantung kepada kejayaan memobilisasikan seluruh potensi dengan mengurangkan perbezaan pendapat atau mengurangkan karenah remeh-temeh di antara pendokong Islam

<sup>80</sup> Abd-al-Hamid Abu Sulayman, *op.cit.*, h. 43.

<sup>81</sup> *Ibid.*

<sup>82</sup> *Ibid.*

dari semua sayapnya, malah mengenepikan ego diri yang banyak menuding kelemahan kepada diri orang lain dengan menilik cermin diri sendiri.

Kebangkitan Islam tidak akan mencapai kejayaan hanya dengan retorika kosong yang menyedapkan telinga mendengarnya, tetapi harus turun ke lapangan merawati penyakit sosial, menghapus kejahilan dan kemiskinan hidup. Malah mampu menghadapi aktiviti-aktiviti kumpulan dan pertubuhan yang kononnya bergerak atas nama kemanusiaan dan kebajikan tetapi tujuannya merubah identiti umat dan akidah mereka.<sup>83</sup>

Pembaharuan ekonomi harus berusaha membebas umat dari dibelenggu sistem riba dan eksplorasi pemodal. *Tajdid* politik meneruskan *jihad Siyasi* membebas bumi Islam dari cengkaman kuasa *Kufar*. Adapun *tajdid* dakwah mmenyebarluaskan *fikrah* yang tepat dengan segala *Syumuliyyah* dan *Wasitiyyah*<sup>84</sup> tanpa mengenepikan *wasilah* termoden dan teknik tercanggih. Hinggakan *tasawwur* Islam benar-benar jelas dari segi ide dan praktis di kalangan kaum muslimin dan difahami oleh kaum bukan Islam. Turut juga diperjelaskan kefahaman yang salah, fatwa yang lemah, malah mampu mewujudkan *fiqh* baharu yang berasaskan realiti semasa.

*Tajdid* amali masa kini tentunya tidak semudah *fikrah* semata-mata. Al-Mawdudiy dikecam hebat apabila menyokong Fatimah Jinnah berdepan dengan rigim Ayub Khan. Hasan al-Turabi mendapat kecaman keras tatkala memasuki sosialis pimpinan Ja'far Numairi, apa lagi setelah menerima jawatan rasmi. Malah keadaan yang sama berlaku kepada gerakan Islam di Syria apabila mengambil keputusan bekerjasama dengan golongan non-Islamic bagi melawan sistem yang lebih zalim.<sup>85</sup>

Di bidang ekonomi pun begitu. Beberapa seminar ekonomi Islam antarabangsa yang mengumpulkan ulama fiqh dan pakar ekonomi telah membuat keputusan mengharuskan terlibat dalam institusi dan syarikat yang ditubuh di negara Islam dan menawarkan saham kepada awam, asalkan atas urusannya “harus”, meskipun mungkin sedikit sebanyak bercampur urusan riba.<sup>86</sup>

Sedangkan satu pihak yang lain lebih suka menjawab “tidak!” atau “haram!!” atas segala perkara yang memerlukan pemikiran mendalam dan ijihad. Apa lagi terdapat kalangan kumpulan Islam yang lebih menekankan hal remeh-temeh dari

<sup>83</sup> Al-Qaradawiy, *op.cit.*, h. 16.

<sup>84</sup> *Ibid.*

<sup>85</sup> *Ibid.*, h. 29.

<sup>86</sup> *Ibid.*, h. 31.

soal dasar, menekankan isu-isu kecil dari yang bersifat umum, malah lebih suka berselisih dari berbaik sangka. Dalam waktu yang sama masih ramai lebai-lebai yang berebut-rebut mengerjakan haji dan umrah yang entah ke berapa kalinya tetapi berat tangan menghulur bantuan menolong umat Islam lain di Palestin, Kasymir, Kemboja, Bosnia atau Somalia...<sup>87</sup>

Malah umat Islam lebih selesa menunggu *al-mahdi al-muntazar* dari *mujaddid muntazar* meskipun beberapa kali kemunculan Mahdi palsu lebih banyak membawa perpecahan hatta pertumpahan darah.<sup>88</sup> Justeru itu sebelum *tajdid* benar-benar terlaksana umat Islam memerlukan bank maklumat. Maklumat tentang orang lain dan diri sendiri.<sup>89</sup>

Institusi dan gerakan Islam terlebih dahulu mesti berada dalam kekinian bukan berangan-angan Mat Jenin. Harapan dan cita-cita tanpa infra-struktur yang cukup hanyalah tidak lebih dari membina istana di atas air. Di sinilah peranan institusi pengajian tinggi Islam harus hidup dalam alam realiti bukannya dalam kabus dan jerubu kebekuan.

Suatu team kepemimpinan yang tangkas, berwawasan, serius dan beriltizam perlu merancang secara rapi dan tersusun serta mampu melaksanakan secara berterusan. Malah meminjam kata-kata ‘Ali Syari‘ati fikiran yang segar harus dibebaskan dari kerangka agama tradisional yang kaku sehingga pemikiran tersebut dapat menerima Islam melalui bentuknya yang paling sublim, iaitu dalam bentuknya sebagai suatu ideologi, bukannya Islam yang ortodok dan fanatis. Dalam waktu yang sama para pemimpin institusi Islam tidak harus muncul sebagai kelas gila kekuasaan dan pencinta wang. Justeru sikap inilah kata ‘Ali Syari‘ati lagi membina fikiran ilmuan yang membuat asumsi umum bahawa ilmu bersifat natural dan tidak memihak, serta tidak berhubungan dengan keperluan kemanusiaan yang lebih tinggi.<sup>90</sup>

Dengan meletakkan ilmu menjadi natural, para pemikir dan ilmuan abad ini melepaskan diri mereka dari ideal-ideal dan hanya menyediakan diri menjadi pelayan kekuasaan dan wang.<sup>91</sup> Inilah nasib yang menimpai universiti moden seperti Sorbone, Harvard, Cambridge, Oxford dan banyak lagi di mana ilmu hanya

<sup>87</sup> *Ibid.* h. 32, 37.

<sup>88</sup> Abd-al-Muta‘al, *op.cit.*, h. 588-589.

<sup>89</sup> Al-Qaradawiy, *op.cit.*, h. 195.

<sup>90</sup> Ali Syariati, *Ideologi Kaum Intelektual*, Penerbit Mizan, 1989, h. 105.

<sup>91</sup> *Ibid.*, h. 107.

berupa fakta-fakta, pengkajian dan analisa objektif semata tetapi terpisah dari pemecahan masalah manusia dan masyarakat.<sup>92</sup>

Selagi ilmu hanya sekadar analisa ilmiah yang dianggap bersifat natural, ilmu yang hilang keyakinan dan tanggungjawab untuk ideal-ideal malah selagi para ilmuan kehilangan kesedaran ilmiah yang sejati dan tanggungjawab sosialnya, justeru itu *tajdid* tidak akan berlaku. Dengan erti kata lain, gerakan *tajdid* tidak akan berlaku di tangan ilmuan yang sanggup menjual diri dengan harga yang murah, atau sekadar membincangkan soal upah yang tinggi atau kemewahan kerana mereka hanya menjadi pelayan bagi tuannya.<sup>93</sup>

Hanya para intelektual, mahasiswa, pelajar, guru dan profesor-profesor yang mengabdikan diri pada tujuan-tujuan ideologi akan mampu memimpin gerakan progresif dalam sejarah dan menyedarkan umat terhadap kenyataan kehidupan. Ertinya, *tajdid* bukanlah bermula dari menara gading tetapi dari tengah-tengah rakyat jelata dari satu gerakan ideologis. *Tajdid* akan bangkit dari mereka yang dapat menyedarkan fikiran yang tumpul, membangkitkan semangat yang mati, malah menggerak agama yang sudah menjadi tradisi kepada agama yang mempunyai jiwa. Peranan para terpelajar boleh menjadi titik awal yang paling efektif, tetapi orang awam yang dapat mewujudkannya dalam tindakan.<sup>94</sup> Wallahu a'lam.

---

<sup>92</sup> *Ibid.*, h. 108.

<sup>93</sup> *Ibid.*, h. 123.

<sup>94</sup> *Ibid.*,

